

Kualiti Sungai Kinta dipertingkatkan ke tahap 2A

IPOH – Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perak akan menjalinkan kerjasama dengan tiga agensi kerajaan negeri untuk meningkatkan kebersihan dan kualiti air Sungai Kinta di sini ke tahap 2A.

Pengarah JPS Perak, Datuk Ir. Abdul Razak Dahalan berkata, usaha itu dilakukan dengan kerjasama Lembaga Air Perak (LAP), Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) melalui satu perjanjian persefahaman yang akan dimeterai sebelum akhir tahun ini.

“Tahap 2A bermakna bekalan air adalah bersih, selamat dan boleh digunakan oleh penduduk untuk tujuan membasuh tangan, kaki dan mandi tetapi tidak selamat untuk diminum secara terus.

“Sekarang kualiti air Sungai Kinta pada tahap 2B yang langsung tidak boleh diminum dan untuk pertama kalinya, kerja-kerja pemuliharaan ini akan dilakukan bersama-sama JPS, JKR, LAP dan MBI supaya ia lebih menyeluruh,” katanya selepas majlis perasmian program gotong-royong sempena Hari Sungai Sedunia Peringkat Negeri Perak di Taman Pinggir, Sungai Kinta di sini semalam.

Majlis itu disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kerajaan Tempatan, Hal Ehwal Pengguna, Alam Sekitar, Pengangkutan dan Hal Ehwal Bukan Islam negeri, Datuk Dr. Mah Hang Soon.

Abdul Razak berkata, peruntukan bagi menjalankan kerja-kerja tersebut diperoleh daripada Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri.

“Saya yakin usaha meningkatkan tahap kualiti air di Sungai Kinta ini akan dapat dicapai melalui kerjasama semua pihak,” katanya.

Sementara itu, seramai 400 peserta daripada pelbagai agensi menyertai program gotong-royong itu yang melibatkan pembersihan sungai sepanjang lapan kilometer yang merangkumi sebahagian kawasan Sungai Kinta dan Sungai Pari.